

## Penyelarasan elaun Ahli Majlis PBT belum boleh dilaksanakan - Zuraida

BH ONLINE | Ahad, 22 Disember 2019 | 2:42pm



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin. NSTP/Imran Makhzan.

AMPANG: Penyelarasan elaun untuk Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara belum boleh dilaksanakan kerana masih ada PBT yang tidak berkemampuan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, menjelaskan elaun Ahli Majlis adalah tertakluk kepada kemampuan PBT dan bukan ditetapkan oleh kementeriannya.

“Kementerian memang melihat perlunya satu penyelarasan (elaun Ahli Majlis) tetapi saya fikir tidak boleh dilaksanakan kerana ada PBT yang lemah, tidak mampu dan kementerian juga tidak mampu menampung (elaun terbabit).

“Buat masa ini, PBT menentukan kadar elaun untuk Ahli Majlis mereka. Jika pendapatan PBT itu meningkat, sudah tentu mereka boleh memberi elaun yang lebih tinggi kepada Ahli Majlis,” katanya kepada media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kejohanan Bola Sepak Piala YB Zuraida Kamaruddin, di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai keputusan Kerajaan Johor menaikkan kadar elaun tetap bulanan Ahli Majlis PBT di negeri itu, berkuat kuasa 1 Januari ini.

Keputusan itu dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon, selepas mengambil kira faktor kos sara hidup kini yang semakin meningkat, perbandingan kadar elaun tetap bulanan Ahli Majlis di sebahagian PBT di Semenanjung serta kekuatan kewangan PBT di Johor.

Berkuat kuasa 1 Januari ini, kadar baharu elaun tetap bulanan Ahli Majlis di PBT Johor bagi taraf Bandaraya ialah RM1,800 berbanding RM900 kadar semasa, Perbandaran (RM1,300 berbanding RM800) dan Daerah (RM1,000 berbanding RM600).